

# REXOM<sup>TM</sup> WINA B COMPLEX TABLET

Thiamine Hydrochloride (Vitamin B1)/Riboflavin Sodium Phosphate (Vitamin B2)/Nicotinamide (Vitamin B3)/Calcium Pantothenate (Vitamin B5)/Pyridoxine Hydrochloride (Vitamin B6)/Cyanocobalamin (Vitamin B12)  
(10mg/3mg/25mg/1mg/1mg/5mcg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex
2. Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex
4. Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex
5. Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

## Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex

Untuk pencegahan dan rawatan kekurangan vitamin B kompleks.

## Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex berfungsi

REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex mengandungi 6 jenis Vitamin B iaitu Thiamine Hydrochloride (Vitamin B1), Riboflavin Sodium Phosphate (Vitamin B2), Nicotinamide (Vitamin B3), Calcium Pantothenate (Vitamin B5), Pyridoxine Hydrochloride (Vitamin B6) dan Cyanocobalamin (Vitamin B12). Ini adalah vitamin B yang akan mengisi semula kekurangan dalam badan.

## Sebelum menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex

### -Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak boleh digunakan pada orang yang hipersensitif kepada sebarang komponen dari formulasi ini.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

Mengandung dan menyusukan anak  
Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex dianggap selamat dengan dos yang disyorkan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

Pyridoxine hidroklorida dapat mengurangkan keberkesanan levodopa.

## Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

1-2 tablet setiap hari.

### -Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Vitamin B berlebihan akan dikumuhkan, oleh itu tidak ada masalah serius yang dijangka dengan pemberian vitamin B dalam bentuk ini.

## Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Tiada kesan yang diketahui terhadap pemanduan atau pengendalian mesin.

## Kesan-kesan sampingan

Kesan toksik tidak mungkin terjadi kerana lebihan vitamin B akan dikumuhkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my [Public → Reporting

# REXOM<sup>TM</sup> WINA B COMPLEX TABLET

Thiamine Hydrochloride (Vitamin B1)/Riboflavin Sodium Phosphate (Vitamin B2)/Nicotinamide (Vitamin B3)/Calcium Pantothenate (Vitamin B5)/Pyridoxine Hydrochloride (Vitamin B6)/Cyanocobalamin (Vitamin B12)  
(10mg/3mg/25mg/1mg/1mg/5mcg)

---

Side Effects to Medicines (ConSERF)  
or Vaccines (AEFI)].

**Nombor Siri**  
NPRA(R2/1)210414/661

## **Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sup>TM</sup> Wina B Complex**

### -Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada haba dan cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Tablet berwarna kuning, bulat, bergaris pada satu permukaan dengan dwi-cembung.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

*Thiamine Hydrochloride (Vitamin B1), Riboflavin Sodium Phosphate (Vitamin B2), Nicotinamide (Vitamin B3), Calcium Pantothenate (Vitamin B5), Pyridoxine Hydrochloride (Vitamin B6), Cyanocobalamin (Vitamin B12).*

- Bahan-bahan tidak aktif

*Lactose Monohydrate, Magnesium stearate, Corn starch, Pregelatinized Starch, Kollidon PVP dan Spirit chloroform.*

### -Nombor MAL

MAL19911365X

## **Pengilang dan Pemegang**

### **Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn.  
Bhd.  
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1,  
11900 Bayan Lepas,  
Pulau Pinang, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RIMUP**

16/04/2021